

# BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI WASILAH PERPADUAN: ANALISIS ELEMEN BAHASA MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

**THE NATIONAL LANGUAGE AS A MEANS OF UNITY: AN ANALYSIS  
OF THE MALAY LANGUAGE ELEMENTS IN THE FEDERAL  
CONSTITUTION OF MALAYSIA**

Siti Aisyah Yusof<sup>1</sup>

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher<sup>2</sup>

Farahdina Fazial<sup>3</sup>

Noor Syahidah Mohamad Akhir<sup>4</sup>

Muhammad Saiful Islam Ismail<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: aisyah421@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(Email: msaiful0860@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: farahdinafazial@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: noorsyahidah9177@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: saifulislam@uitm.edu.my)

## Article history

**Received date** : 25-8-2024

**Revised date** : 26-8-2024

**Accepted date** : 20-10-2024

**Published date** : 25-10-2024

## To cite this document:

Yusof, S. A., Mohd Taher, M. S. I., Fazial, F., Mohamad Akhir, N. S., & Ismail, M. S. I. (2024). Bahasa Kebangsaan sebagai wasilah perpaduan: Analisis elemen Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 132 - 143.

**Abstrak:** Bahasa adalah suatu alat penghubung komunikasi terpenting dalam kehidupan bermasyarakat. Kepentingan bahasa sebagai elemen terpenting dalam pembentukan sebuah negara terbukti dengan termaktubnya Perkara 152 (Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan) dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bahasa Melayu menjadi elemen penting dalam membina perpaduan dan mempromosikan sebuah negara bangsa yang terdiri dari pelbagai kaum. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan Bahasa Melayu dalam mewujudkan perpaduan masyarakat majmuk dan kesan pengabaian tuntutan Perkara 152 ke atas masyarakat di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen seperti jurnal, buku-buku dan sebagainya. Hasil kajian mendapati, Bahasa Melayu sangat memainkan peranan penting dalam mewujudkan perpaduan masyarakat di Malaysia dan ia adalah salah satu elemen tradisi yang menjadi teras dalam pembentukan tapak integrasi dalam masyarakat Malaysia. Justeru, kajian ini mencadangkan perlunya usaha berterusan dalam memperkuuh penggunaan Bahasa Melayu melalui

pendidikan dan dasar-dasar yang inklusif untuk mencapai perpaduan nasional yang lebih kukuh.

**Kata kunci:** Bahasa Melayu, Perpaduan, Perkara 152, Perlembagaan Malaysia

**Abstract:** The significance of language as a tool for communication within a society is underscored by its role in shaping a nation. Article 152 of the Federal Constitution of Malaysia specifically designates the Malay language as the national language, highlighting its importance in unifying a nation comprising diverse ethnicities. This paper investigates the Malay language's contribution to fostering unity in a pluralistic society and examines the repercussions of disregarding the provisions of Article 152 on Malaysian society. Using a qualitative approach, this study analyzes various documents such as journals and books. The findings indicate that the Malay language significantly contributes to societal unity in Malaysia and serves as a fundamental element in promoting integration within Malaysian society. Therefore, this study recommends continuous efforts to reinforce the use of the Malay language through educational initiatives and inclusive policies to bolster national unity.

**Keywords:** Malay Language, Unity, Article 152, Federal Constitution of Malaysia

## Pendahuluan

Bahasa Kebangsaan memainkan peranan penting sebagai alat utama untuk memupuk hubungan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui penggunaan bahasa yang difahami dan jelas maksudnya, Bahasa Melayu, yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan, menjadi penghubung antara pelbagai kaum dan budaya. Bahasa ini bukan hanya alat komunikasi, tetapi juga kunci kepada perpaduan yang membolehkan masyarakat berinteraksi dengan lebih harmoni. Apabila perpaduan tercapai, masyarakat akan hidup dengan sejahtera dan persekitaran yang stabil ini akan menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhan. Kemajuan negara bergantung kepada penggunaan bahasa yang tepat dan berkesan, kerana bahasa adalah antara pencapaian terawal dalam tamadun manusia, seperti yang dinyatakan oleh Mansor (2022).

Penggunaan Bahasa Kebangsaan yang sama oleh pelbagai etnik dalam sebuah negara adalah penting untuk memastikan kefahaman bersama mengenai hala tuju dan wawasan negara. Dengan adanya bahasa yang satu, setiap individu dapat membentuk jati diri yang kukuh dan memahami tanggungjawab bersama untuk memajukan negara. Malaysia, sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik dan budaya, memerlukan perpaduan yang kukuh bagi memastikan keharmonian dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk memperkuat perpaduan antara kaum dan mempererat integrasi etnik dan wilayah untuk menjamin pembangunan negara yang pesat dan berterusan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu perpaduan di Malaysia semakin menjadi perhatian dalam media. Banyak laporan menunjukkan perpaduan antara kaum di negara ini semakin tergugat. Bernama (2020) menyatakan bahawa ketegangan antara kaum biasanya berpunca daripada salah faham, yang sering dikaitkan dengan penggunaan bahasa yang tidak difahami oleh semua pihak yang terlibat. Perbezaan bahasa ini mencetuskan konflik yang berpotensi menghambat proses pembangunan negara serta mempengaruhi pembelajaran ilmu-ilmu baharu. Salah faham ini sering terjadi dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya.

Oleh itu, isu-isu berkaitan bahasa, yang termasuk dalam unsur-unsur tradisi dan diakui oleh Perlembagaan Persekutuan, harus diberi perhatian yang serius. Bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam membina hubungan yang erat antara etnik di Malaysia. Jika isu bahasa tidak ditangani dengan baik, ia berpotensi mengancam perpaduan masyarakat. Muslim, Hassan dan Samian (2011) menekankan bahawa Bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan, perlu difahami dan dihormati oleh semua kaum untuk memperkuat hubungan etnik. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan Bahasa Melayu dalam membina perpaduan dalam masyarakat majmuk serta mengkaji kesan pengabaian Perkara 152 dalam Perlembagaan, yang menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, ke atas masyarakat Malaysia.

### Kajian Lepas

Terdapat dua aspek penting yang akan dibincangkan dalam kajian lepas iaitu Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

Terdapat banyak penulisan lepas yang menyebut mengenai peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Menurut Muslim et al. (2011), bahasa kebangsaan berperanan sebagai medium komunikasi dan bahasa rasmi negara bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik. Mohd Basir (2013) pula menyebut penggunaan bahasa yang sama akan memudahkan komunikasi dan pemahaman antara individu yang terdiri dari latar belakang etnik yang berbeza. Musa, Che Rodi dan Noor Muhammad (2014) turut berpendapat bahawa bahasa merupakan medium utama untuk berkomunikasi dalam masyarakat khususnya untuk menjalani aktiviti harian. Bagi Esa, Ationg dan Othman (2021) bahasa bukan setakat menjadi alat komunikasi, tetapi lebih penting bahasa itu menunjukkan bangsa dan bahasa merupakan jiwa bangsa.

Selain itu, bahasa berperanan dalam membentuk jati diri seseorang warganegara dan memupuk semangat kekitaan, integrasi dan maruah masyarakat penuturnya (Musa et al., 2014; Esa, Ationg dan Othman, 2021). Menurut Mohd Basir (2013) pula, penggunaan satu bahasa sebagai bahasa rasmi dapat memantapkan lagi semangat jati diri dalam masyarakat berbilang kaum. Bagi Musa et al. (2014), bahasa adalah lambang kehalusan dan kesopanan budi bahasa penuturnya serta menjadi asas dan unsur yang utama dalam pembentukan sebuah peradaban. Manakala Sariyan (2014), menyebut penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara dapat membentuk kesatuan sikap, pemikiran, sistem nilai dan pandangan sarwa dalam kalangan anak didik generasi muda.

Ahmad, Ho, Sarjit, Talib, Ku Arifin, Lee, Muslim dan Zainuddin (2006) menyatakan matlamat utama penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah untuk menyatupadukan pelbagai kaum ke arah membentuk sebuah negara yang bersatu padu melalui satu bahasa yang sama yang digunakan oleh semua lapisan kaum. Mohd Basir (2013) berpendapat bahasa kebangsaan sangat memainkan peranan penting sebagai alat penyatuan dan menyatupadukan masyarakat. Pernyataan ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohamed dan Hassan (2019) yang menyatakan bahawa, bahasa kebangsaan adalah medium penting dalam mewujudkan keharmonian dan mengukuhkan perpaduan masyarakat di Malaysia.

Bahasa menjadi wadah utama dalam proses pendidikan dan pembudayaan ilmu untuk meningkatkan sumber daya tenaga dan modal insan (Musa et al., 2014). Mohd Basir (2013) menyebutkan pendapat Abdullah Hassan yang menyatakan bahawa rahsia kemajuan masyarakat Jepun adalah kerana mereka menggunakan bahasa ibundanya sendiri untuk

mendapatkan ilmu. Hal ini turut disokong oleh Sariyan (2014) yang menyatakan bahawa bahasa pengantar utama yang digunakan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan negara akan memudahkan penyampaian ilmu kepada masyarakat dan mengelakkan berlakunya jurang ilmu. Bagi Md. Sham, Tan, Adun, Ishak, Erman, Hasan, Sood dan Bintang (2018), berpendapat bahawa garis panduan penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di universiti awam adalah suatu keperluan sebagai satu mekanisme untuk memartabatkan bahasa Melayu.

Bahasa kebangsaan juga berperanan sebagai bahasa rasmi negara dan digunakan dalam urusan rasmi negara. Musa et al. (2014) menyatakan bahawa Bahasa Melayu digunakan dalam dokumen-dokumen rasmi seperti undang-undang, peraturan dan kontrak serta berperanan sebagai bahasa perundangan utama di rantau Asia Tenggara pada suatu ketika dahulu. Sariyan (2014) turut menyebut peranan bahasa dalam urusan rasmi dan pentadbiran negara, bahkan kecekapan pentadbiran sebahagiannya bergantung pada kecekapan bahasa yang ada pada penjawat awam di pelbagai peringkat.

### **Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan**

Menurut Musa et al. (2014), Bahasa Melayu menjadi bahasa perundangan utama di rantau Asia Tenggara seawal abad ke-15. Sebagai bukti, penggunaannya dapat dilihat dalam Hukum Kanun Melaka serta Undang-undang Laut Melaka. Sariyan (2014) turut menyatakan kepentingan penggunaan bahasa dalam urusan rasmi khususnya dalam menyampaikan arahan, maklumat dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Bahasa Melayu telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat yang pelbagai (Abdul Razak, Yusuff dan Embong, 2021). Perlembagaan Persekutuan adalah satu undang-undang utama yang berperanan sebagai tapak integrasi di Malaysia dan berperanan sebagai panduan hidup bernegara secara aman damai dan perpaduan (Mohd Noor, 2018). Dalam Perlembagaan Persekutuan terkandung 4 elemen penting yang dikenali sebagai tiang seri perlembagaan iaitu Institusi Beraja, Agama Islam, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Tiang seri ini menjadi simbol perpaduan, keluhuran perlembagaan dalam prinsip Rukun Negara dan sebagai agen penyatuan masyarakat berbilang kaum di negara.

Dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut, Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan di bawah peruntukan Perkara 152 (1):

“Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Parlimen. Peruntukan (a) tidak ada seorang pun akan dihalang daripada menggunakan (kecuali hal rasmi), atau mengajar atau mempelajari bahasa lain dan, (b) tidak ada mana-mana peruntukan dalam fasil ini yang boleh mengganggu hak kerajaan persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri untuk memelihara dan memperkembangkan dan pengkajian bahasa komuniti lain”.

Pemilihan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara ini dapat dilihat melalui pendapat Za’ba dalam tulisannya bertajuk “Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka”. Dalam tulisan tersebut, Za’ba telah memberikan enam sebab mengapa Bahasa Melayu dipilih menjadi bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Sebab-sebab tersebut ialah:

Tanah Melayu ialah negeri orang Melayu  
Bahasa Melayu adalah bahasa tulen negeri ini  
Bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan negeri ini  
Bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman  
Bahasa Melayu telah menjadi bahasa Republik Indonesia  
Bahasa Melayu adalah bahasa yang mudah

Pemilihan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ini adalah bertujuan untuk mencapai perpaduan kerana perpaduan adalah penting bagi memastikan pembangunan negara dicapai seiring dengan keperluan semasa (Sharif Adam, 2019).

Secara umumnya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa peruntukan Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan menggariskan peranan Bahasa Melayu yang amat penting dalam menyatupadukan masyarakat Malaysia, memastikan integrasi sosial, dan memajukan negara. Elemen Bahasa Melayu dalam undang-undang negara berfungsi sebagai asas perpaduan dan mempromosikan kemajuan selari dengan perkembangan semasa.

### **Metodologi**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif. Data kualitatif adalah dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen (Jasmi, 2012). Analisis data kualitatif adalah salah satu langkah terpenting dalam proses penyelidikan kualitatif kerana ia membantu penyelidik memahami data kualitatif mereka (Leech dan Onwuegbuzie, 2007). Menurut Braun & Clarke (2013), penyelidikan kualitatif menggunakan semua jenis data. Sumber utama data kualitatif adalah pemerhatian, temu bual, soal selidik, semakan dokumen dan bahan audio-visual (McMillan dan Schumacher, 2014). Pendekatan ini sesuai kerana kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang isu yang dikaji. Kajian ini menggunakan analisis dokumen bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mengenal pasti tema dan corak dalam data. Dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan, prosiding serta lain-lain dokumen yang berautoriti dan relevan bagi menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengkaji Bahasa Melayu sebagai wasilah perpaduan di Malaysia. Kaedah ini merupakan pendekatan untuk mengekstrak makna dan konsep daripada data termasuk mengenal pasti, memeriksa dan merekodkan corak atau tema (Rubin dan Rubin, 2012). Setelah data dikumpulkan, kajian ini meneliti corak tema yang relevan dengan kajian.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Berdasarkan penelitian terhadap penulisan dan kajian lalu, beberapa dapatan diperolehi berkenaan peranan Bahasa Melayu dalam mewujudkan perpaduan masyarakat majmuk dan kesan pengabaian tuntutan Perkara 152 ke atas masyarakat di Malaysia. hal ini dibincangkan dari beberapa aspek iaitu komunikasi antara masyarakat, membentuk jati diri, agen perpaduan, proses pendidikan dan sebagai bahasa rasmi negara sebagaimana berikut:

#### **i) Komunikasi**

Malaysia adalah negara yang unik kerana memiliki rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum dan budaya. Oleh itu, bahasa adalah sangat penting sebagai medium utama untuk berkomunikasi dalam masyarakat khususnya untuk menjalani aktiviti harian (Musa et al., 2014). Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghubung di mana masyarakat menggunakan bahasa yang sama dalam komunikasi harian akan memudahkan pelbagai urusan dan memberikan kefahaman yang sama antara individu walaupun dari etnik yang berbeza (Mohd Basir, 2013). Menurut

Muslim et al. (2011), kepelbagaian bahasa yang tidak difahami antara satu sama lain boleh menimbulkan salah faham yang akan menyebabkan berlakunya ketegangan dan konflik. Oleh itu, amatlah penting untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai medium komunikasi untuk memberikan impak positif bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik.

YB Puan Fadhlina Sidek, selaku Menteri Pendidikan Malaysia, menyeru setiap warganegara Malaysia agar menanamkan rasa kecintaan yang mendalam terhadap bahasa kebangsaan dalam ucapannya dalam Majlis Sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan Sektor Pendidikan Tahun 2023 yang lalu. Ucapan yang disampaikan oleh beliau menunjukkan betapa pentingnya untuk memartabat dan memelihara peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan agar kedudukan bahasa Melayu terus dipandang tinggi bukan sahaja di Malaysia, malahan di mata dunia (Othaman dan Bidin, 2023). Setiap daripada rakyat Malaysia harus memainkan peranan signifikan dalam memastikan bahasa Melayu dihargai dan diberi tempat yang sesuai dengan nilainya sebagai lambang identiti Malaysia, terutamanya dalam kalangan pemimpin di negara ini sebagai contoh teladan. YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, merupakan contoh teladan dalam usaha memperkasa bahasa Melayu, di mana beliau konsisten menggunakan bahasa Melayu yang standard, gramatis, serta memperkenalkan istilah-istilah bahasa Melayu yang jarang digunakan dalam ucapan-ucapannya (Othaman dan Bidin, 2023).

Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi dalam usaha ini adalah kebimbangan mengenai penurunan penggunaan Bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan generasi muda. Generasi ini lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa ibunda mereka, terutamanya di kawasan bandar (Izman dan Mahamod, 2023). Hal ini diperburuk oleh globalisasi dan pendigitalan, yang semakin meningkatkan penggunaan bahasa asing dalam media, perniagaan, dan pendidikan, yang seterusnya memberi impak kepada penggunaan Bahasa Melayu dalam komunikasi harian (Hakim, Ahmad Raof dan Ma'alip, 2021).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah pernah menyampaikan ucapan dalam Majlis Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu yang bertajuk ‘Isu dan Cabaran Bahasa Melayu Abad ke-21’ di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa Pustaka tahun 2022 menyatakan bahawa, fenomena globalisasi dan pendigitalan yang semakin pesat telah mengubah landskap penggunaan bahasa Melayu dan generasi muda kini lebih selesa menggunakan bahasa asing sebagai medium perantaraan. Oleh itu, usaha harus ditingkatkan untuk menarik minat generasi muda terhadap Bahasa Melayu. Institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu mencari strategi intervensi yang berkesan untuk memastikan penggunaan Bahasa Melayu kekal relevan dan dihargai oleh generasi akan datang (Mohd Khalid, 2022).

## ii) Jati Diri

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri rakyat Malaysia, terutamanya dalam konteks negara berbilang kaum. Seperti yang dinyatakan oleh Musa et al. (2014), Bahasa Melayu adalah alat yang penting dalam memupuk semangat kekitaan, integrasi, dan maruah dalam kalangan masyarakat. Bahasa Melayu berfungsi sebagai elemen penyatu yang membantu mewujudkan semangat jati diri kolektif di kalangan rakyat Malaysia yang datang dari latar belakang agama, budaya, dan cara hidup yang berbeza (Mohd Basir, 2013). Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara memberikan asas yang kukuh dalam membina kesatuan dalam masyarakat. Dengan menggunakannya dalam sistem pendidikan, generasi muda dapat dibentuk dengan sikap, pemikiran, dan nilai yang seragam, yang seterusnya mengukuhkan semangat jati diri mereka (Sariyan, 2014). Di samping itu, adab dan

susila yang terkandung dalam Bahasa Melayu juga membantu membentuk peradaban dan membina identiti bangsa yang berteraskan nilai-nilai murni.

Namun, cabaran utama dalam usaha memperkasakan Bahasa Melayu ialah pengaruh bahasa asing, terutamanya Bahasa Inggeris. Mahamod, Nik Yusoff, Othman, Lambri dan Hassan (2020) menyatakan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris yang meluas sedikit sebanyak mempengaruhi tahap pemahaman, penghayatan, dan pengamalan Bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. Ini membawa kepada krisis jati diri apabila kedudukan Bahasa Melayu tidak dimartabatkan sepenuhnya, khususnya dalam kalangan pemimpin negara. Dalam konteks bangsa Malaysia, bahasa kebangsaan inilah yang menjadi akar pembinaan jati diri bangsa. Kekuatannya terletak pada bahasa yang diperkaya dalam khazanah persuratan bangsa Melayu termasuk dalam pantun, seloka, gurindam, syair, nazam, endui dan sebagainya. Pembinaan jati diri bangsa Malaysia sangat wajar dipupuk melalui bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dalam wadah pendidikan negara. Di sinilah penyatuan dan perpaduan bangsa dapat dipupuk dan diharmonikan (Halid, 2019).

Sekiranya bahasa Melayu tidak dimartabatkan kedudukannya, maka akan wujud krisis jati diri. Apatah lagi jika ia berlaku dalam kepimpinan negara, ia akan memberi kesan negatif dalam usaha mengangkat martabat Bahasa Melayu. Awang Sariyan turut mengulas lanjut, ketidakseriusan sebahagian pemimpin sejak merdeka dalam pelaksanaan dasar-dasar negara termasuk dasar bahasa kebangsaan, menjadi salah satu punca kedudukan Bahasa Melayu ada kalanya terumbang-ambing di negara kita (Mohamad Yunus, 2022). Pentingnya peranan bahasa ini turut ditegaskan oleh pemimpin negara. Mantan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi contoh yang baik dengan memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa (Abd Mutualib, 2022), termasuk ketika berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai pemimpin tertinggi Malaysia yang pertama berucap menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya pada perhimpunan diplomatik terbesar itu (Bernama, 2022). Usaha ini menonjolkan bahawa Bahasa Melayu bukanlah penghalang kepada kemajuan negara, malah ia adalah simbol jati diri nasional yang harus dipertahankan dan dipromosikan.

### **iii) Bahasa Perpaduan**

Bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai alat perpaduan dalam masyarakat di Malaysia. Menurut Mohd Basir (2013), Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa yang dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat tanpa prasangka. Penggunaan satu bahasa yang dikongsi bersama adalah penting untuk memastikan intipati perbualan dapat difahami dan mencegah salah faham antara etnik. Dalam konteks masyarakat majmuk, bahasa ini berfungsi sebagai agen penyatuan sosial, terutamanya melalui sistem pendidikan negara, di mana Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Langkah ini membantu memupuk perpaduan di kalangan generasi muda yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Namun, cabaran masih wujud dalam memastikan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan diterima sepenuhnya. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sepatutnya menjadi alat penyatuan dan perpaduan kaum yang paling ampuh (Abu Bakar, 2024). Sikap masyarakat terhadap bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam isu ini. Terdapat pandangan bahawa kurangnya rasa cinta dan semangat kekitaan terhadap bahasa kebangsaan menjadi penghalang kepada penguasaan bahasa Melayu terutamanya dalam kalangan bukan penutur asal. Ini menunjukkan bahawa lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk memupuk rasa bangga dan pemilikan terhadap bahasa Melayu sebagai identiti negara. Pemakaian penggunaan bahasa Melayu di Malaysia mencerminkan usaha untuk memupuk perpaduan

dalam masyarakat yang pelbagai. Namun, cabaran dalam pelaksanaan dan penerimaan bahasa ini memerlukan perhatian dan tindakan berterusan daripada semua pihak untuk memastikan bahasa Melayu dapat berfungsi sebagai alat penyatuan yang berkesan (Bernama, 2024).

Tambahan pula, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mengingatkan semua rakyat Malaysia tentang kepentingan menguasai Bahasa Kebangsaan serta memahami budaya kaum lain semasa merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke-15. Baginda menyeru semua pihak untuk menjaga keharmonian dan tidak memainkan isu sensitif berkaitan kaum, agama, atau Raja. Baginda juga menggesa kerajaan untuk merangka dasar perpaduan yang lebih kukuh, memastikan Bahasa Melayu dapat terus berfungsi sebagai alat penyatuan yang berkesan (Azaman, 2024). Selain itu, Sultan Ibrahim juga berharap agar Kerajaan Madani dapat melaksanakan dasar mengukuhkan perpaduan antara rakyat di Malaysia melalui bahasa kebangsaan (Salleh, 2024).

#### **iv) Pendidikan**

Bahasa menjadi wadah utama dalam proses pendidikan dan pembudayaan ilmu. Bahasa menjadi alat utama dalam penyampaian sesuatu ilmu dan penghasilan ilmu pengetahuan seperti menjadi alat pencatat, perakam, penimbun, penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu masyarakat dan bangsa. Proses penguasaan ilmu, sains dan teknologi yang dilakukan dalam bahasa sendiri dapat difahami dengan mudah oleh seluruh rakyat jelata dan dengan itu dapat meningkatkan sumber daya tenaga dan modal insan. Ini akan membina kekuatan dalaman dan keyakinan diri yang mampu memupuk pula jati diri, maruah dan rasa kebanggaan kepada elemen budaya dan masyarakat kita sendiri (Musa et al., 2014).

Penggunaan bahasa sendiri, seperti yang dilakukan oleh Jepun, membolehkan masyarakat tersebut membina kekuatan dalaman, keyakinan diri, dan jati diri, tanpa dipengaruhi oleh bahasa asing, seperti yang dinyatakan oleh Mohd Basir (2013). Ini penting dalam memupuk identiti budaya dan maruah bangsa. Sariyan (2014) menegaskan bahawa penggunaan bahasa pengantar yang seragam dalam sistem pendidikan negara memudahkan proses pengilaman dan mengurangkan jurang ilmu antara masyarakat. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat menyatukan rakyat dan mengelakkan ketergantungan terhadap bahasa asing, seterusnya mendorong kemajuan dan pencapaian yang berdasarkan budaya tempatan.

Namun, cabaran besar yang dihadapi adalah pemungkiran Bahasa Melayu dalam sesetengah konteks pendidikan. Hal ini dilihat berlaku apabila terdapat sekolah vernakular yang menggunakan bahasa ibunda seperti Mandarin, Tamil, dan bahasa-bahasa peribumi sebagai bahasa pengantar. Mahkamah Rayuan pada tahun 2023 telah mengisyitiharkan keabsahan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan penggunaan Bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah vernakular itu adalah sah dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. SJKC dan SJKT akan terus beroperasi dengan Bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar yang dilindungi undang-undang (Shamsuddin, 2023; Mohd. Sulaiman, 2023). Walaupun bahasa ibunda penting untuk memelihara warisan budaya suatu kaum, ia juga menimbulkan persoalan tentang perpaduan nasional, kerana pelajar dari latar belakang etnik yang berbeza mungkin kurang berinteraksi antara satu sama lain. Begitu juga cabaran yang dihadapi oleh guru-guru untuk memastikan pelajar di sekolah-sekolah vernakular dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik, yang merupakan bahasa utama dalam urusan rasmi dan pentadbiran.

Penghargaan yang rendah terhadap Bahasa Melayu turut memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik pelajar. Laporan Kosmo pada 11 Oktober 2023 melaporkan kegagalan sebilangan pelajar dalam menguasai mata pelajaran teras seperti Matematik dan Bahasa Melayu. Ini mencetuskan kebimbangan mengenai kemampuan sistem pendidikan untuk memastikan pelajar menguasai Bahasa Kebangsaan dan ilmu pengetahuan secara menyeluruh (Mohamed Nor dan Sayid Hizar, 2023). Justeru itu, usaha yang lebih besar diperlukan untuk memastikan penggunaan Bahasa Melayu berfungsi dengan berkesan di semua peringkat pendidikan dan masyarakat.

#### v) Bahasa Melayu dalam Perlembagaan

Hasil penelitian mendapati bahawa, penobatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menjadi asas kenegaraan dan kebangsaan yang penting. Sebagai bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu menjadi lambang identiti bagi negara Malaysia dan turut berperanan sebagai satu unsur penggerak jentera pentadbiran negara dan sebagai bahasa pengantar utama sistem pendidikan negara (Sariyan, 2014). Ia menjadi lambang penyatuan, asas jati diri sebuah negara dan bahasa pemersatu (Mohd Basir, 2013).

Menurut Muslim et al. (2011), Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sebagai jambatan penghubung antara masyarakat yang berbilang budaya dan etnik. Bahasa Melayu menjadi satu lambang penyatuan dan jati diri semua kaum di negara ini selaras dengan prinsip “Bahasa Jiwa Bangsa”. Persefahaman menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga tidak menjeaskan penggunaan bahasa ibunda kaum lain malah dijamin penggunaannya oleh Perlembagaan Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Bahasa Melayu dalam perlembagaan persekutuan sebagai bahasa rasmi, mantan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa perlu untuk Malaysia memartabatkan Bahasa Melayu dengan menggunakan dalam setiap urusan rasmi kerajaan termasuk dalam mesyuarat dan persidangan antarabangsa (Bernama, 2022).

Walaupun undang-undang dan dasar rasmi mengharuskan penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan kerajaan dan pendidikan, masih terdapat perdebatan mengenai sejauh mana bahasa ini benar-benar diberi keutamaan. Terdapat pandangan bahawa penggunaannya dalam urusan rasmi kadangkala diabaikan, terutama apabila bahasa Inggeris digunakan dalam dokumen rasmi, yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan rakyat yang tidak fasih dalam bahasa tersebut (Bahasa Melayu dalam mahkamah, 2008). Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Profesor Datuk Seri Dr Awang Sariyan menyatakan kebimbangannya terhadap laporan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu 22-24 Mei 2022, iaitu hanya 76 peratus badan kerajaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai rasmi. Sedangkan, dalam bidang pentadbiran, Perkara 152(6) telah menetapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam. Ini menunjukkan terdapat masalah dalam penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi pihak berkuasa (Mohamad Yunus, 2022).

Keprihatinan ini menunjukkan bahawa walaupun Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, cabaran masih wujud dalam memastikan penggunaannya dikekalkan dan diperkasakan. Pengabaian terhadap peranan bahasa ini boleh memberi kesan negatif terhadap identiti dan perpaduan negara. Sekiranya isu-isu ini tidak ditangani dengan baik, Bahasa Melayu berisiko dipinggirkan dan kehilangan peranannya sebagai bahasa utama negara.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai simbol perpaduan dan identiti nasional dalam konteks Malaysia yang berbilang etnik. Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia juga mencerminkan keseimbangan antara mengutamakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menghormati hak penggunaan bahasa lain dalam konteks pendidikan dan budaya. Banyak kesan negatif dapat dilihat jika penggunaan Bahasa Melayu diabaikan, apakah lagi penggunaannya sebagai bahasa urusan rasmi telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Pengabaian Bahasa Melayu sebagai medium utama komunikasi dalam masyarakat majmuk juga akan mengganggu gugat perpaduan masyarakat. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan untuk memperkuatkukan penggunaan Bahasa Melayu dari semua aspek khususnya melalui pendidikan dan dasar-dasar berkaitan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia bagi membolehkan pencapaian perpaduan nasional yang lebih utuh.

Justeru, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dihormati iaitu dengan cara melahirkan rasa bangga dan menguatkuaskan undang-undang bagi mengekalkan dan memantapkan jati diri nasional Malaysia melalui penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Semua pihak perlu berusaha secara berterusan agar penggunaan bahasa Melayu dapat dimartabatkan dan diperkuatkukan penggunaannya supaya masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia dapat memacu pembinaan jati diri mengikut acuan sendiri dalam proses mencapai kemajuan negara secara seimbang.

## Rujukan

- Abd Mutalib, Z. (2022, Mei 22). Rakyat perlu ada jati diri martabat bahasa Melayu - Ismail Sabri. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/05/958081/rakyat-perlu-ada-jati-diri-martabat-bahasa-melayu-ismail-sabri>.
- Abdul Razak, A., Yusuff, N. A., Embong, Z. (2021). *Penghayatan Etika & Peradaban*. Penerbit UMK.
- Azaman, A. (2024, Februari 26) Masih ada gagal kuasai Bahasa Kebangsaan, fahami budaya hidup kaum lain - Agong. *Astro Awani*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masih-ada-gagal-kuasai-bahasa-kebangsaan-fahami-budaya-hidup-kaum-lain-agong-459787>
- Ahmad, Z., Ho, H. L., Sarjit, S. G., Talib, A. T., Ku Arifin, K. H., Lee, Y. F., Muslim, N., Zainuddin, R. (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Bahasa Melayu dalam mahkamah. (2008, 8 Disember). Diakses dari Bahasa Melayu dalam mahkamah - The Malaysian Bar
- Bernama (2020, 20 Januari). Salah faham punca kontroversi antara kaum di Malaysia. *Bernama*. Diakses dari <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1806788>
- Bernama (2022, 24 September). PM cipta sejarah berucap dalam Bahasa Melayu pada perhimpunan PBB. *Astro Awani*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-cipta-sejarah-berucap-dalam-bahasa-melayu-pada-perhimpunan-pbb-382546>
- Bernama (2022, 26 Februari). Malaysia guna bahasa Melayu untuk setiap urusan rasmi negara. *Astroawani*. Diakses dari Malaysia guna Bahasa Melayu untuk setiap urusan rasmi negara - PM | Astro Awani
- Bernama (2024, 5 Januari). Kekangan bahasa masih jadi isu harian di agensi kerajaan. *Astroawani*. Diakses dari

- <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2024/01/1196345/kekangan-bahasa-masih-jadi-isu-di-agensi-kerajaan>.
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. SAGE Publications.
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W. (2021). Isu dan Cabaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan Di ambang kemerdekaan Tanah Melayu. International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC). Volume 6 Issue 41 (July 2021) PP. 111-125 Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/354752933\\_isu\\_dan\\_cabaran\\_bahasa\\_melayu\\_sebagai\\_bahasa\\_kebangsaan\\_di\\_ambang\\_kemerdekaan\\_tanah\\_melayu](https://www.researchgate.net/publication/354752933_isu_dan_cabaran_bahasa_melayu_sebagai_bahasa_kebangsaan_di_ambang_kemerdekaan_tanah_melayu)
- Hakim, M. S., Ahmad Raof, N. A., & Ma'alip, S. (2021). Percampuran kod dalam kalangan peniaga dalam talian di Instagram. *Jurnal Melayu*, 579-601.
- Halid, A. (2019). Memartabat bahasa kebangsaan, memperkuuh jati diri. *Astro Awani*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/memartabat-bahasa-kebangsaan-memperkuuh-jati-diri-217963>
- Izman, M. N., & Mahamod, Z. (2023). Nilai Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: The Value of the Malay Language as The Basis of Self-Identity Among Students of the National University of Malaysia. *Pendeta*, 14(2), 11–25. Diakses dari <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.2.2023>
- Jasmi, K., A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif dlm. Kursus Penyelidikan Kualitatif*. Siri 1 2012 di Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Leech, N. L., & Onwuegbuzie, A. J. (2007). An array of qualitative data analysis tools: A call for data analysis triangulation. *School Psychology Quarterly*, 22(4), 557–584. Diakses dari <https://doi.org/10.1037/1045-3830.22.4.557>
- Mahamod, Z., Nik Yusoff, N. M. R., Othman, S., Lambri, A., Hassan, H., (2020). Tahap Pemahaman, Penghayatan Dan Pengamalan Jati Diri Bahasa Melayu Dalam Kalangan Rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 10, Bil. 1 (Mei 2020):27-36. Diakses dari <https://jurnalarticle.ukm.my/14571/1/217-421-1-SM.pdf>
- Mansor, A. (2022). Bahasa dan Budaya mengeratkan perpaduan masyarakat. *Dewan Bahasa*. Diakses dari <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2022/02/11/2511/>
- McMillan, J.H. & Schumacher,S. (2014). *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. Pearson Education, 2014.
- Md. Sham, F., Tan, R., Adun, M. N., Ishak, A., Erman, H., Hasan, R., Sood, S. N., & Bintang, H., (2018). Penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 18 (1). pp. 176-197. ISSN 1675-8021. <http://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-11>.
- Mohamad Yunus, M. Y. (2022, 30 Mei). 'Pemimpin tak serius martabat bahasa Melayu, wujud krisis jati diri'. *Sinar Harian*. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/204704/BERITA/Nasional/Pemimpin-tak-serius-martabat-bahasa-Melayu-wujud-krisis-jati-diri> pada 19/8/2024
- Mohamed Nor, L. R. & Sayid Hizar, S. A. (2023, 11 Oktober). Matematik, BM paling ramai gagal. *Kosmo*. Diakses dari <https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/matematik-bm-paling-ramai-gagal/>
- Mohamed, N.A. & Hassan, N. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 4, Issue 4, (page 19- 28). Diakses dari <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/227>.

- Mohd Basir, S. N. (2013). Perpaduan Etnik Menerusi Penggunaan Bahasa Melayu, *Diges Kemanusiaan*, Penerbit Universiti Malaysia Perlis, page 10-18.
- Mohd Khalid, M. K. A. (2022, 22 Mei). Generasi muda lebih selesa guna bahasa asing. Sinar Harian. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/203493/berita/generasi-muda-lebih-selesa-guna-bahasa-asing>
- Mohd Noor, M. (2018, 18 Disember). Perlembagaan Persekutuan Satukan Bangsa. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/12/510462/perlembagaan-persekutuan-satukan-bangsa>
- Mohd. Sulaiman, M. F. (2023, 23 November). Sekolah vernakular Cina, Tamil akan terus guna bahasa ibunda. *Utusan Malaysia*. Diakses dari <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/sekolah-vernakular-cina-tamil-akan-terus-guna-bahasa-ibunda>
- Musa, H., Che Rodi, R., & Noor Muhammad, S. J. (2014). Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *Journal of the Malay World and Civilisation, Iman* 2(2), 2014 page 3-19.
- Muslim, N., Hassan, Z. & Samian, A. L. (2011). Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*. 29(1) (2011): 103-120.
- Othaman, N. & Bidin, S. H. (2023, 8 November). Martabatkan BAhsa Melayu demi nilai dan identiti bangsa Malaysia. *Malaysia Gazette*. Diakses dari <https://malaysiagazette.com/2023/11/08/martabatkan-bahasa-melayu-demi-nilai-dan-identiti-bangsa-malaysia/>
- Rubin, H. J., & S. Rubin, I. (2012). Qualitative interviewing: The art of hearing data (3rd ed.). Los Angeles: Sage Publications
- Salleh, Z. (2024, 20 April). Bahasa Yang Berhormat. *Dewan Bahasa*. Diakses dari <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2024/04/20/12944/>
- Sariyan, A. (2014). Strategi Menjayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara. *Jurnal Pertanika, Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu. Volume 1(1), Jun 2014, Page 1-18*.
- Shamsuddin, N. (2023, 23 November). Sekolah vernakular, bahasa Mandarin dan Tamil berperlembagaan. *Kosmo*. Diakses dari <https://www.kosmo.com.my/2023/11/23/sekolah-vernakular-bahasa-mandarin-dan-tamil-berpelembagaan-mahkamah-rayuan/>.
- Sharif Adam, S. D. (2019). Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 4, Issue 4, August 2019, page 1-11.